



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (33)
Tarikh : 13 November 2020

SIARAN MEDIA

GARIS PANDUAN PEMBERIAN PINJAMAN WANG DALAM TALIAN UNTUK SYARIKAT KREDIT KOMUNITI

PUTRAJAYA, 13 November 2020 - YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melancarkan Garis Panduan Pemberian Pinjaman Wang Dalam Talian yang berlangsung petang ini secara maya dari Dewan Kristal, KPKT.

Garis panduan ini dibangunkan bagi pelaksanaan urusan pinjaman wang secara dalam talian sebagai rujukan kepada syarikat Kredit Komuniti berlesen di bawah KPKT yang berhasrat untuk menjalankan urusan tersebut secara dalam talian. Ia juga dibangunkan bagi mengurangkan jurang teknologi digital dan memudahkan pelaksanaan urusan kredit komuniti selaras dengan kehendak dan suasana norma baharu.

Garis panduan ini juga dapat mewujudkan satu persekitaran urusan pinjaman wang yang lebih kondusif, selamat, terkawal dan teratur sebagai usaha Kementerian untuk memodenkan industri pemberi pinjaman wang (Kredit Komuniti) selaras dengan usaha penjenamaan semula industri tersebut.

Bagi memastikan Garis Panduan Pemberian Pinjaman Wang Dalam Talian (*Kredit Komuniti*) ini memenuhi peruntukan perundangan dan peraturan yang berkuatkuasa, kerjasama dan penganjuran beberapa sesi libat urus dengan pelbagai agensi kerajaan turut diadakan termasuk Bahagian Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Polis DiRaja Malaysia (JSJK, PDRM), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Jabatan Peguam Negara.

Bagi fasa pertama pelancaran Garis Panduan Pemberian Pinjaman Wang Dalam Talian ini, terdapat lapan (8) syarikat Kredit Komuniti yang telah mengemukakan permohonan secara rasmi kepada KPKT dan dibenarkan untuk menjalankan urusan niaga pinjaman wang secara dalam talian. Syarikat-syarikat berkenaan adalah Axiata Digital Capital Sdn.Bhd, Grabfin Operations (Malaysia) Sdn.Bhd, GHL Payments Sdn.Bhd, Presto Credit Sdn.Bhd, JCL Credit Leasing Sdn.Bhd, Fortune Tree Capital Sdn.Bhd, BigPay Later Sdn.Bhd dan Hoop Fintech Sdn.Bhd. Beberapa siri libat urus telah pun dilaksanakan bersama syarikat-syarikat yang terlibat semasa fasa pembangunan garis panduan berkenaan.

KPKT juga akan memastikan agar urusan niaga secara dalam talian oleh syarikat-syarikat Kredit Komuniti ini dilaksanakan dengan beretika dengan pematuhan sepenuhnya kepada Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400] serta peraturan yang berkuatkuasa.

Majlis ini turut disaksikan oleh YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan YBhg. Datuk Zainal Abidin Bin Abu Hassan, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*